



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

HEP

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
Student Affairs Division

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR



NEWSLETTER

EDISI MAC 2021

EDITOR

PUAN HAWA BINTI OMAR

PENULIS

HARESSA HARYANI BINTI HAZMAN



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm



01 Mac 2021



Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Semoga dapat menerajui portfolio Hal Ehwal Pelajar dan Alumni ke arah kecemerlangan.

03 Mac 2021

Program Training of Trainers (TOT) Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Semester II Sesi 2020/2021



Slot TOT bagi Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa MTM Semester II Sesi 2020/2021 bersama YBrs. Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah berlangsung pada 03 Mac 2021. TOT merupakan slot perkongsian ilmu mengenai peranan dan tanggungjawab Fasilitator MTM dalam menguruskan kemasukan pelajar baharu. Semoga bermanfaat dan berupaya memperkasa peranan Fasilitator MTM.

04 Mac 2021

Taklimat Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkhidmatan Pengangkutan Bagi Pelajar UTHM



Taklimat Garis Panduan dan SOP Perkhidmatan Pengangkutan Bagi Pelajar UTHM telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, dengan dihadiri oleh Pengurus & Penyelia syarikat bas kontrak, Pengarah PKU, Pegawai-pegawai dari OSHE, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Pentadbiran UTHM kampus cawangan Pagoh, Bahagian Keselamatan, Bahagian Governan dan ahli Majlis Perwakilan Pelajar. Taklimat bertujuan menerangkan mengenai pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan bas kitaran kontrak dalam situasi norma baharu. Bas kontrak akan mula beroperasi pada 04 April 2021.

08 Mac 2021

Pengambilan Pelajar Latihan Industri Saudari Haressa Haryani binti Hazman



Tahniah dan Selamat Datang diucapkan kepada Saudari Haressa Haryani Binti Hazman pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian (Perisian Pendidikan) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah diterima untuk menjalani program Latihan Industri di Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Selamat menimba pengalaman bekerja di UTHM!

11 Mac 2021

**Tamat Latihan Industri
Saudara Mohamad Faris bin Nasharuddin**

Tahniah dan Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Saudara Mohamad Faris Bin Nasharuddin pelajar Diploma Teknologi Maklumat, Poly-Tech MARA Batu Pahat kerana telah tamat menjalani program Latihan Industri dengan jayanya di Pejabat Hal Ehwal Pelajar bermula dari 23 November 2020 hingga 11 Mac 2021. Saudara Mohamad Faris adalah di bawah seliaan Encik Ahmad Khirul Nizam bin Ali, Ketua Unit Kepimpinan dan Aktiviti Pelajar. Semoga berjaya di dalam kerjaya dan kehidupan.

11 Mac 2021

Watikah Pelantikan Fasilitator Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM)



Sesi penyampaian Watikah Pelantikan Fasilitator MTM Semester II Sesi 2020/2021 telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, menjalankan tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Seramai 40 Fasilitator MTM dalam kalangan pelajar UTHM telah dilantik bagi membantu pelaksanaan MTM pada kali ini. Semoga dipermudahkan dan terus berkhidmat dengan cemerlang.

14 Mac 2021

**Kenaikan Pangkat Staf Pejabat Hal Ehwal Pelajar
Encik Anuar bin Ibrahim**



Warga Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengucapkan tahniah kepada Encik Anuar bin Ibrahim di atas kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kenderaan Kanan (R6). Semoga terus berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, komited dan dedikasi. Selamat Maju Jaya.

14 - 18 Mac 2021

**Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Semester II Sesi
2020/2021**

Telah berlangsung Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) Semester II Sesi 2020/2021 pada 14-18 Mac 2021 bagi Kampus Induk dan Kampus Cawangan Pagoh. Semua program telah dijalankan secara *virtual* iaitu melalui platform Youtube. Program ini dapat membantu pelajar-pelajar baharu untuk mengenali UTHM walaupun tidak mendaftar di kampus secara fizikal.



17 Mac 2021

Majlis Ikrar Mahasiswa Baharu Sempena Minggu Transformasi Mahasiswa Semester II Sesi 2020/2021

Telah berlangsung Majlis Ikrar Mahasiswa Baharu Sempena Minggu Transformasi Mahasiswa Semester II Sesi 2020/2021 bertempat di Tan Sri Johan Jaaffar Corner, Aras 3, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM.

Seramai tiga mahasiswa baharu dijemput hadir dalam majlis ini secara fizikal manakala yang selebihnya menyaksikan majlis ini secara langsung melalui platform Youtube UTHM.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM. Turut hadir YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Dr. Azme bin Khamis, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Kamarulzaki bin Mustafa, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Pegawai-pegawai kanan universiti, barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Kepimpinan Pelajar UTHM.



20 - 25 Mac 2021

Bantuan Perkhidmatan Pengangkutan Bagi Kemasukan Pelajar Berkeperluan Semester II Sesi 2020/2021



Bantuan perkhidmatan pengangkutan bas universiti telah disediakan untuk mengambil pelajar-pelajar dari KLIA dan Senai Airport. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar berkeperluan yang pulang ke kampus untuk menyambung pengajian bagi Semester II Sesi 2020/2021. Semua pelajar telah selamat sampai ke kolej-kolej kediaman di Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh.

22 - 28 Mac 2021

Pemeriksaan Bas Kontrak UTHM

Pemeriksaan bas kontrak UTHM telah dilaksanakan sebagai persediaan memulakan operasi bas kitaran pada Semester II Sesi 2020/2021. Sesi pemeriksaan telah diketuai oleh En. Syed Muhammad Firus Syed Abdul Aziz, Ketua Bahagian Pengangkutan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Turut serta adalah Pegawai dari Pejabat OSHE dan Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan. Sesi pemeriksaan bas kontrak telah dilaksanakan di Kampus Induk Parit Raja pada 28 Mac 2021 dan di Kampus Cawangan Pagoh pada 22 Mac 2021.



24 Mac 2021

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2020/2021 dan Penyampaian Sijil Penghargaan

Penyerahan Watikah Perlantikan MPP Sesi 2020/2021 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM. Turut hadir YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan YBrs. Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Turut diadakan adalah sesi bacaan ikrar oleh barisan MPP Sesi 2020/2021, yang dipimpin oleh Saudara Muhammad Faris bin Abdul Hadi, Yang Dipertua MPP Sesi 2020/2021 serta penyampaian Sijil Penghargaan kepada wakil Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) Sesi 2020/2021 dan Task Force Students' Union (TFSU).

Tahniah diucapkan kepada barisan MPP yang baharu. Semoga dapat menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan sebaiknya.



28 Mac 2021


UTHM EDUFair 2021

Karnival Pendidikan Maya UTHM 2021

UTHM EDUFair 2021 anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat (PPKK) telah menyediakan slot bagi sesi perkongsian berkaitan Peluang Pembiayaan Pendidikan yang telah berlangsung menerusi tiga sesi taklimat oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ).

- ✓ Taklimat Kebajikan dan Penajaan telah disampaikan oleh Puan Suhailah binti Muhammad Philip, Ketua Bahagian Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, PHEP.
- ✓ Taklimat Pinjaman Pelajaran telah disampaikan oleh Puan Zaharatulnora binti Hj. Md. Jamil, Pengurus Kanan, Pejabat PTPTN Cawangan Batu Pahat.
- ✓ Taklimat Bantuan Pembiayaan Yayasan Pelajaran Johor disampaikan oleh Encik Sahrudin bin Manas, Pengurus Bantuan Pendidikan YPJ.

Semoga bermanfaat kepada calon-calon pelajar yang berhasrat menyambung pengajian di UTHM.



HEP



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**